

MAHATHIR  
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 10 APRIL (BERNAMA)--MALAYSIA SEKARANG MERUPAKAN SALAH SEBUAH PUSAT PELABURAN YANG PALING MENARIK DI ASIA DAN BOLEH MEMILIH PARA PELABUR YANG DISUKAINYA DAN TIDAK SEBALIKNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN INI IALAH DISEBARKAN OLEH PERHUBUNGAN TERUS DENGAN PARA PELABUR.

+UNTUK MELAWAN PROPAGANDA ANTI-MALAYSIA OLEH SETENGAH-SETENGAH WARTAWAN, KAMI SENDIRI PERGI TERTEMU DENGAN PARA PELABUR+, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, MEMPERI JAMINAN BAHAWA DASAR ITU TIDAK AKAN DITUKAR KECUALI ADA SEBAR-SEBAR YANG YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN.

BELIAU BERUCAP DALAM SATU JAMUAN MAKANA MALAM SEMPENA MESYUARAT PERKHIDMATAN POLITIK DAN EKONOMIK ASIA TENGARA (SEAPES) YANG KEEMPAT ANJURAN +BUSINESS INTERNATIONAL+, DI SINI.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA TERUS MENGALAU-ALUKAN PARA PELABUR DAN +KAMI JUGA TELAH BERSETUJU UNTUK MEMBENARKAN PERNIAGAAN DI LUAR NEGARA DENGAN SYARAT RAKYAT MALAYSIA BOLEH MENYERTAINYA+.  
—BERSAMBUNG 1947/MD

F631

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BARANG-BARANG PERKILANGAN MALAYSIA MASIH BELUM MENDAPAT TEMPAT DI PASARAN ANTARABANGSA SEPERTI YANG SEPATUTNYA.

MALAYSIA TIDAK BERCADANG UNTUK TERUS MENJADI PEMILIK LADANG GETAH, KELAPA SAWIT DAN LOMBONG BIJIH TIMAH YANG TERBESAR DI DUNIA.

+KAMI PERCAYA KEPADA PEMBAHAGIAN KERJA DI MANA KAMI BUKAN SAHAJA DIBERI PERANAN SEBAGAI PENANAM DAN PELOMBONG TETAPI JUGA SEBAGAI PENGELUAR BARANG-BARANG PERKILANGAN KECIL+, TEGASNYA.

BELIAU BERKATA INI TIDAK AKAN MENJEJAS KEDUDUKAN NEGARA-NEGARA MAJU MALAH MEREKA AKAN LEBIH BERUNTUNG KERANA MEREKA BOLEH MENGGUNAKAN TENAGA YANG SEDIKIT DAN MAHAL UNTUK MENGELUARKAN BARANG-BARANG YANG LEBIH SOFISTIKATED DAN LEBIH BERTERBUKA YANG BOLEH MENDATANGKAN KEUNTUNGAN BESAR.

+MENERUSI PELABURAN ASING, NEGARA-NEGARA MAJU DAN SEDANG MEMBANGUN AKAN MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI PEMBAHAGIAN KERJA YANG KAMI MINTA+, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA MAJU MASIH TIDAK MAHU MENERIMA HAKIKAT INI TETAPI AKHIRNYA MEREKA AKAN SEDAR BAHAWA KERANA MEREKA TIDAK LAGI MEMPEROLEHI PASARAN NEGARA-NEGARA YANG MEREKA JAJAH DAHULU. SATU-SATUNYA LANGKAH IALAH MEMAJUKAN DAN BERKONGSI PASARAN YANG MEWAH. --BERNAMA 1953/MD